

05 APR 2001

Mahathir-Penerangan (Bergambar)

PM MINTA KEMENTERIAN PENERANGAN PERBETULKAN PRESEPSI SALAH

KUALA LUMPUR, 5 April (Bergambar) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Kementerian Penerangan untuk memainkan peranan memberikan interpretasi sebenar mengenai dasar-dasar kerajaan bagi memperbetulkan sebarang kekeliruan mengenainya di kalangan rakyat.

Katanya, peranan itu amat penting terutama apabila ada pihak tertentu yang membuat interpretasi salah mengenai sesuatu dasar sehingga boleh menimbulkan suasana buruk dalam negara.

Berucap kepada warga Kementerian Penerangan sempena lawatannya ke Angkasapuri di sini, Dr Mahathir memberi contoh interpretasi salah mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) oleh pihak tertentu, kononnya ia cuma memberi keuntungan kepada segolongan kecil rakyat.

"Kalau kita membuat interpretasi berasaskan semata-mata kepada dua, tiga orang yang ternampak mendapat begitu banyak nikmat daripada DEB dan kita belakangkan segala usaha yang diberi kepada begitu ramai rakyat Bumiputera, maka ternampak DEB satu dasar yang tidak adil dan ia perlu dihentikan," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebaliknya, jika DEB dihentikan ramai Bumiputera tidak akan mendapat pelajaran, biasiswa, lesen, permit, bantuan kewangan dan 1001 macam lagi peluang yang diwujudkan di bawah dasar itu.

Contoh itu jelas menunjukkan bahawa jika seseorang itu tidak tahu menginterpretasi sesuatu dasar kerajaan, perkara yang baik boleh menjadi buruk dan perkara yang buruk boleh menjadi baik jika dilihat daripada semua sudut.

"Kementerian Penerangan mempunyai tanggungjawab ini untuk memberi interpretasi dan gambaran sebenar tentang apa yang berlaku dalam negara kita.

"Dunia mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara membangun yang termaju sekali, mustahil kita dapat membangunkan negara kita dengan begitu pesat jika kita cuma menumpukan kepada dua, tiga orang yang mendapat begitu banyak habuan bagi diri mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mahu penerangan dan penjelasan kepada rakyat diberi secara seimbang iaitu mengenai kejayaan sesuatu dasar serta masalah yang dihadapi.

"Jika kita berjaya menunjukkan kepada rakyat semua aspek negara kita secara yang sama, memberi perhatian kepada masalah dan kejayaan, mengimbangi antara kedua-dua itu, rakyat akan mendapat persepsi yang sebenar berkenaan apa yang sedang berlaku dalam negara kita dan hasil pemerintahan negara kita.

"Saya berharap benar bahawa Kementerian Penerangan akan memainkan peranan penting supaya kita dapat mengurangkan kekeliruan yang terdapat di kalangan rakyat di waktu ini kerana ada pihak yang sengaja menonjolkan aspek yang buruk dalam negara kita tanpa menarik perhatian kepada aspek lain yang begitu baik dalam negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika dibiarkan pihak-pihak berkenaan memonopoli usaha menjelaskan segala peristiwa yang berlaku dalam negara ini kepada rakyat, ia bukan sahaja akan mengelirukan mereka malah menimbulkan kemarahan mereka.

"Bukan sahaja mereka akan keliru tetapi mereka juga akan berasa marah terhadap kerajaan, terhadap kaum lain, terhadap orang tertentu dan dengan kemarahan ini, negara kita tak akan jadi aman," katanya.

Dr Mahathir juga meminta supaya penerangan yang diberikan meliputi

semua kaum di negara ini agar mereka dapat melihat apa yang sebenarnya berlaku pada kaum mereka dan kaum-kaum lain.

"Di negara ini semua kaum mendapat layanan yang sama secara seimbang. Sebagai contoh, jika agama Islam menjadi agama rasmi, agama lain juga boleh dianuti oleh kaum lain," kata beliau.

Begitu juga dengan Bahasa Melayu walaupun ia menjadi bahasa kebangsaan, tidak ada halangan kepada kaum lain untuk terus mempelajari dan menggunakan bahasa mereka sendiri, katanya.

Dr Mahathir sebelum itu menghadiri taklimat tertutup dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Penerangan.

Ketika ditanya mengenai taklimat itu pada persidangan berita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau telah meminta para pegawai penerangan supaya bersikap lebih profesional semasa memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai dasar-dasar kerajaan dengan memberikan latar belakang yang tepat mengenainya.

Katanya, jika mereka tidak berbuat demikian akan berlaku salah persepsi dan akhirnya kredibiliti kerajaan boleh terjejas.

-- BERNAMA

AFY ES AKD